

PM ajak rakyat syukuri nikmat

BH 16 MAR 2008

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru umat Islam supaya sentiasa bersyukur atas nikmat yang diperolehi dengan mengorbankan kepentingan diri serta merapatkan silaturahmi sesama Islam di negara ini.

Dalam perutusan Aidiladha yang akan disambut esok, Perdana Menteri mengajak umat Islam supaya mengatasi perbezaan politik dan memupuk semula persaudaraan Islam sesama ummah, sesuai dengan musim haji ini.

“Umat Islam di negara ini perlu bersyukur kerana mereka bebas

melakukan ibadat tanpa berasa takut ditimpa musibah,” katanya sambil meminta umat Islam mengelak daripada bersengketa dengan kaum-kaum lain di negara ini.

“Sebagai sebuah negara demokrasi, kita perlu ada parti-parti politik dan kita menyokong parti yang kita minati. Tetapi permusuhan politik tidak harus dikekalkan sehingga keadaan masyarakat menjadi tegang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, agama Islam dihormati oleh penganut agama lain yang menjadi minoriti besar kerana umat Islam di negara ini sebagai

kumpulan majoriti memerintah negara, sanggup berkongsi pentadbiran dengan bukan Islam serta memberi kebebasan beragama kepada mereka.

Sebaliknya, umat Islam di Kosovo, Bosnia-Herzegovina dan Palestin tidak dapat hidup sempurna kerana sering ditindas oleh orang lain serta tidak dapat menunaikan ibadat dengan sempurna.

“Di samping kita perlu bersimpati dengan mereka dan berkorban sedikit untuk membantu mereka, kita juga tidak boleh lupa untuk bersyukur atas nasib kita yang lebih baik,” katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia bukan saja bebas daripada tekanan musuh, malah mereka juga tidak pernah kekurangan apa-apa sama ada makanan, pakaian dan bumbung di atas kepala, kerana negara ini bebas daripada mala petaka besar.

“Sementara jiran-jiran kita sering dilanda banjir besar, ribut taufan, gerak gempa dan letupan gunung berapi, kita sebenarnya dilindungi daripada ribut taufan oleh jiran-jiran kita,” katanya.

LIHAT MUKA 2

‘Kita perlu bersyukur sepanjang masa’

DARI MUKA 1

BH 16 MAR 2008

Semua itu adalah nikmat yang diterima oleh rakyat negara ini di samping nikmat lain kerana negara aman dan makmur.

“Oleh kerana semua ini, kita harus bersyukur sepanjang masa dan jika kita dikehendaki berkorban, tentulah kita tidak keberatan untuk berkorban dan berterima kasih kerana banyak nikmat yang kita terima,” katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam yang sentiasa bersyukur dan sanggup berkorban tidak akan rugi kerana mereka akan mendapat lebih banyak nikmat daripada Allah.

“Korban bermakna kesanggupan menyerahkan harta atau apa-apa yang disayangi atau dihargai kerana menginsafi akan keperluan orang lain yang lebih daif atau untuk tujuan kebaikan.

“Dalam mempertahankan agama dan umatnya pula, nyawa sendiripun perlu dikorbankan. Sesungguhnya kesediaan berkorban membentuk peribadi mulia yang tahu erti keinsafan, bersyukur atas segala nikmat yang diterima dan bertimbang rasa kepada yang kurang bernasib baik.”

“Masyarakat yang dipenuhi dengan orang yang sedia berkorban

tetap akan menjadi masyarakat kukuh, aman tenteram dan bahagia,” katanya.

Dr Mahathir dan Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat Aidiladha kepada umat Islam negara ini serta mendoakan kesejahteraan jemaah haji di Tanah Suci agar mereka dapat melakukan ibadah haji dengan sempurna dan pulang dengan selamat.